

Gangguan tiroid

rawat sebelum melarat

Pesakit boleh jalani kehidupan sihat selepas dapat rawatan sama ada dengan ubat-ubatan atau pembedahan.

Oleh KHADIJAH MOHAMAD NOR

PERTUBUHAN Kesihatan Dunia (WHO) mendedahkan lebih 300 juta orang di seluruh dunia berdepan masalah berkaitan gangguan tiroid.

Bagaimanapun, mereka tidak menda-patkan rawatan lanjut kerana ia dianggap satu masalah biasa.

Tahun lalu, sekumpulan penyelidik Universiti Aberdeen, United Kingdom mendapati bahawa satu dalam 20 orang di negara itu mempunyai masa-lah tiroid dengan wanita berisiko enam kali lebih tinggi berbanding lela-ki.

Menurut Pakar Perubatan Kecemasan, Hospital Wilayah Persekutuan Labuan, Dr. Mohamad Hamim Mohamad Hanafiah, kelenjar tiroid menggunakan zat iodin iaitu sumber yang diperolehi daripada diet seperti garam dan makanan laut untuk menghasilkan hormon tiroid.

Kelenjar tiroid menggunakan zat iodin yang diperolehi daripada diet seperti garam dan makanan laut bagi menghasilkan hormon tiroid.

Hormon ini penting untuk mengawal metabolisme dan fungsi tubuh seperti tumbesaran, protein dan lemak.

"Terdapat dua jenis hormon tiroid iaitu tiroksin (T4) dan triiodotironina (T3), masing-masing mewakili 99.9 peratus dan 0.1 peratus hormon tiroid. Selepas dirembes keluar daripada kelenjar tiroid, jumlah T4 yang banyak akan ditukarkan kepada T3. Ia meru-pakan hormon yang paling aktif dari

segi biologi dalam memberi kesan metabolisme ke atas sel-sel badan," tulis beliau seperti yang dipetik dari-pada portal My Health.

Dalam tubuh manusia, kelenjar tiroid adalah organ endokrin. Ia terdiri daripada dua lobus di bahagian kanan dan kiri.

Kedua-duanya dihubungkan oleh struktur yang dikenali sebagai istmus. Setiap lobus berbentuk seperti buah pir. Kelenjar tiroid mempunyai satu lapisan kapsul yang nipis dipanggil *pretracheal fascia*.

Pada 2019, satu kajian lintang skala besar berbilang pusat mendedahkan, masalah gangguan tiroid di negara ini adalah 3.4 peratus adalah pesakit hipertiroid, manakala 2.1 peratus pesakit hipotiroidisme.

Tiroid merupakan kelenjar berben-tuk rama-rama yang terletak di baha-gian depan leher. Ia bertanggung-jawab untuk proses penghasilan hor-mon tiroid.

Hipertiroidisme iaitu kelenjar tiroid terlebih aktif dan hipotiroidisme iaitu kelenjar tiroid kurang aktif merupa-kan gangguan yang berpunca daripa-da fungsi penghasilan hormon tiroid yang tidak normal.

"Antara punca utama hiperti-roidisme adalah penyakit Graves, goiter multinodular dan nodul toksik yang menghasilkan hormon tiroid ber-lebihan, manakala hipotiroidisme ber-laku apabila kelenjar tiroid kurang aktif dalam menghasilkan hormon

yang berpunca daripada tiroiditis Hashimoto atau radang pada tiroid," tulis Dr. Mohamad Hamim lagi.

Sementara itu, Pakar Hidung, Telinga, Tekak, Kepala & Pembedahan Kepala dan Leher, Hospital Pengajar Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr. Loh Tze Liang berkata, mereka yang menghidap nodul tiroid ini kerana tisu kelenjar tiroid tumbuh terlalu banyak.


Gejala

"Biasanya, pesakit akan mendapati leher mereka bengkak, rasa berbiji dan sakit. Jika bengkak terlalu besar, ia akan menekan struktur berhampiran dan menyebabkan gejala seperti kesukaran bernafas serta suara men-jadi garau akibat masalah di peti suara.

"Kanser tiroid bermula apabila sel kelenjar tiroid menjadi tidak normal, membesar tanpa kawalan dan mem-bentuk jisim tisu yang dinamakan ketumbuhan tumor. Walaubagai-manapun, nodul tiroid mungkin bukan kanser (benigna) atau kanser (malignan).

Nodul benigna biasanya tidak mengancam nyawa kerana pertumbu-hannya tidak menembusi tisu di seke-lilingnya, tidak merebak ke bahagian lain dalam tubuh dan lazimnya, ia tidak perlu dibuang," jelas beliau keti-ka dihubungi Majoriti 7.

Namun, tambah Dr. Loh, bagi peng-hidap nodul malignan, ia berisiko mengancam nyawa kerana pertumbu-



INFO

penyakit tiroid

- Penghidap hipertiroidisme akan mengalami gejala seperti tangan menggeletar, gementar, degupan jantung laju, mudah berpeluh dan panas, susut berat badan dan cepat letih.
- Penghidap hipotiroidisme pula akan berdepan simptom seperti lesu, sukar menumpukan perhatian, kulit kering, sembelit, sentiasa rasa sejuk dan pendarahan haid yang banyak.
- Pesakit hipertiroidisme boleh mengurangkan penghasilan hormon tiroid melalui ubat-ubatan secara oral.
- Pesakit hipotiroidisme boleh mengantikan kekurangan hormon tersebut dengan pengambilan hormon tiroid sintetik.
- Jika masalah hipertiroidisme tidak dapat dikawal secara ubat-ubatan, rawatan ablasi radioaktif boleh mematikan tisu kelenjar tiroid secara selektif.
- Rawatan secara pembedahan perlu dijalankan jika ada kebarangkalian kanser tiroid.
- Pembedahan juga perlu dilakukan jika goiter terlalu besar hingga menyebabkan gejala seperti sukar bernafas atau menelan.



Perbezaan kelenjar tiroid yang sihat (kanan) dengan kelenjar yang kurang menghasilkan hormon tiroid.

Biasanya, pesakit akan mendapati leher mereka bengkak, rasa berbiji dan sakit. Jika bengkak terlalu besar, ia akan menekan struktur berhampiran dan menyebabkan gejala seperti kesukaran bernafas serta suara menjadi garau akibat masalah di peti suara."

Dr. Tze Liang



Segera dapatkan rawatan jika anda merasakan ada sesuatu yang tidak normal pada leher.

hannya yang banyak boleh menembusi tisu dan organ di sekitarnya.

"Nodul tiroid jenis malignan ini juga boleh merebak ke bahagian lain dalam tubuh dan seringkali dapat dibuang tetapi kadangkala ia berisiko untuk muncul semula. Namun, peratusannya amat rendah," ujar beliau.

Mengulas tentang rawatan, Dr. Loh memberitahu, pesakit biasanya akan

dirawat bergantung kepada jenis masalah tiroid yang mereka hadapi.

"Penyakit ini tidaklah berbahaya jika pesakit mendapatkan rawatan yang betul. Pesakit lazimnya boleh menjalani kehidupan yang sihat selepas menjalani rawatan sama ada dengan pengambilan ubat-ubatan atau pembedahan.

"Harus diingat, tanpa rawatan,

penyakit tiroid ini boleh menyebabkan komplikasi seperti masalah jantung, tulang dan paling bahaya, ia mampu mengancam nyawa terutama bagi individu yang mempunyai hipertiroidisme.

Apa yang penting, segera dapatkan rawatan di hospital jika terasa sesuatu yang tidak normal pada fizikal," ungkapnya.



Mereka yang kekurangan hormon tiroid lazimnya mengalami gejala seperti tangan menggeletar, gementar, degupan jantung laju dan kulit kering.